

16 JANUARI 2018

Polis serbu sarang penagih dadah di Jempol

Polis serbu sarang penagih dadah di Jempol



INILAH sebahagian dadah yang dirampas daripada 10 penagih dadah selepas diserbu di ladang kelapa sawit di Felda Serting 2, Jempol kelmarin.

JEMPOL – Keseronokan sekumpulan sembilan penagih dadah untuk melepaskan galian terbantu apabila kesemuanya diberkas dalam satu serbuan di sebuah ladang kelapa sawit di Felda Serting 2, Bandar Seri Jempol di sini kelmarin.

Operasi Op Sarang pada pukul 3 petang itu dilakukan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol selepas melakukan intipan melalui maklumat yang diberikan.

Dalam operasi itu, polis turut menahan seorang pengedar dadah berusia 29 tahun yang bertindak membekalkan bahan khayal itu kepada penagih di kawasan tersebut.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Muhd. Nur, Hishamuddin Hashim

berkata, ketika serbuan, sembilan penagih yang berusia antara 22 hingga 39 tahun itu baru tiba di lokasi tersebut untuk mendapatkan bekalan dadah.

“Pengedar dadah itu cuba melarikan diri dengan menunggang motosikal sebaik menyedari kehadiran polis namun gagal. Pemeriksaan menemui dadah jenis heroin seberat 16.7 gram yang dibungkus di dalam tujuh peket dan 21 tiub penyedut minuman,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, kesemua suspek positif morfin selepas menjalani ujian air kencing dan memiliki rekod jenayah lampau.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B/15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.